

**KAJIAN**

**PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI**

**TERHADAP PERPADUAN**

**NEGARA**

Oleh :

Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah

Dr.Zaharah Hassan

Prof. Dr.Abu Daud Silong

Dikemukakan kepada :

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri Malaysia

JUN 2004

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### KAJIAN PERSEPSI PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP PERPADUAN NEGARA

Oleh :

Prof. Madya Dr. Bahaman Abu Samah

Dr.Zaharah Hassan

Prof. Dr.Abu Daud Silong

- [1] Apakah persepsi pelajar universiti terhadap perpaduan negara merupakan persoalan utama yang dikemukakan dalam kajian ini. Untuk menjawab persoalan tersebut, kajian ini telah melihat perpaduan dari konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum.
- [2] Dua konsep penting dalam memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum ialah pembentukan Satu Bangsa Malaysia dan membangunkan Malaysia mengikut "acuan sendiri". Konsep ini merupakan salah satu matlamat Wawasan 2020.
- [3] Terdapat dua pendekatan utama untuk mengkaji perpaduan bagi sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum iaitu "keseragaman" (*homogeneity*) dan "kerencaman" (*diversity*). Strategi dan pelaksanaan yang rencam dan *pragmatic* telah digunakan di Malaysia berasaskan pengalaman menangani perpaduan kaum sebelum ini. ini bermakna perpaduan di Malaysia boleh diteliti melalui pendekatan "perpaduan dalam kerencaman" (*unity in diversity*) di mana orang Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain terus mengekalkan identiti mereka tetapi disatukan dengan konsep Satu Bangsa Malaysia.
- [4] Pelajar universiti merupakan salah satu kelompok terpenting di Malaysia. Masyarakat kampus IPTA dan juga IPTS terdiri dari pelajar berbilang kaum iaitu Melayu, India, Cina, Bumiputra Sabah dan Sarawak dan kaum-kaum lain. Mereka juga menganut pelbagai agama seperti Islam, Buddha, Hindu dan agama-agama lain lagi.
- [5] Polarisasi pelajar kampus mengikut kaum dan agama merupakan salah satu masalah perpaduan yang sering dibincangkan oleh pihak berwajib. Memandangkan bahawa isu perpaduan di kalangan masyarakat pelajar berbilang kaum dan agama adalah perkara yang begitu penting maka kajian ini telah dilaksanakan.
- [6] Kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menjawab persoalan kajian. Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik melalui survey untuk mengumpul data, manakala kaedah kualitatif telah menggunakan temu bual

berfokus secara kumpulan (*focus group interview*). Data dari kaedah kualitatif telah digunakan untuk menyokong dapatan kajian melalui kaedah kuantitatif.

- [7] Seramai 1818 orang pelajar telah memberikan respons mereka melalui survei yang telah dijalankan. Ianya melibat 1001 pelajar dari IPTA dan 817 pelajar dari IPTS. Pelajar telah dipilih melalui persampelan rawak berkelompok (*random cluster sampling*) mengikut program pengajian. Seterusnya seramai 70 pemimpin pelajar IPTA dan IPTS telah ditemu bual berfokus secara kumpulan.
- [8] Aspek penting yang telah dikaji berkaitan persepsi pelajar universiti terhadap perpaduan negara ialah tentang identiti Satu Bangsa Malaysia, kebanggaan terhadap Malaysia, kesetiaan terhadap Malaysia, amalan harian perpaduan di kampus, kaedah yang paling berkesan untuk menggalakkan interaksi antara pelajar berbilang kaum dan aktiviti-aktiviti memberi peluang yang tinggi untuk pelajar berbilang kaum berinteraksi. Lebih spesifik soalan yang ingin dijawab dalam kajian ini ialah:
- Apakah tahap identiti Satu Bangsa Malaysia di kalangan pelajar universiti?
  - Apakah tahap kebanggaan terhadap Malaysia di kalangan pelajar universiti?
  - Apakah tahap kesetiaan terhadap Malaysia di kalangan pelajar universiti?
  - Apakah tahap amalan perpaduan harian di kampus di kalangan pelajar universiti?
  - Apakah kaedah yang paling berkesan bagi menggalakkan interaksi pelajar berbilang kaum di kampus?
  - Apakah aktiviti anjuran universiti yang memberi peluang paling tinggi untuk pelajar berbilang kaum berinteraksi antara satu sama lain?
  - Apakah ciri sosio-demografi pelajar universiti?
  - Apakah perbezaan dan hubungan antara pembolehubah terpilih (*selected variables*) dengan tahap identiti Satu Bangsa Malaysia, tahap kebanggaan terhadap Malaysia, tahap kesetiaan terhadap Malaysia dan tahap amalan perpaduan harian di kampus?
- [9] Profil pelajar IPTA dan IPTS di Malaysia menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Secara keseluruhannya, komposisi kaum terdiri dari majoriti terbesar pelajar Melayu, diikuti oleh pelajar Cina dan sebilangan kecil pelajar India, pelajar Bumiputra Sabah dan Sarawak dan kaum-kaum lain. Di IPTA majoriti terbesar dari segi kaum ialah pelajar Melayu manakala di IPTS pula majoriti terbesar ialah pelajar Cina. Dari segi agama pula didapati bahawa pelajar IPTA dan IPTS menganut pelbagai agama.

Majoriti terbesar pelajar IPT menganut agama Islam dan dikuti agama Budha. Sebilangan kecil pelajar sahaja yang menganut agama Kristian dan Hindu. Seterusnya IPTA dan IPTS juga mempunyai pelajar yang datang dari pelbagai ciri sosio-demografi yang berbeza seperti jantina, tempat mereka berasal (bandar atau luar bandar), negeri kelahiran dan latar belakang persekolahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa:

- Dari segi jantina, terdapat lebih ramai pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki.
  - Dari segi tempat asal pula, didapati bahawa lebih ramai pelajar datang dari bandar berbanding dari luar bandar.
  - Dari segi negeri mereka berasal, majoriti pelajar universiti berasal dari Perak, Selangor, Johor dan Kuala Lumpur.
  - Dari segi latar belakang persekolahan pula, majoriti pelajar mengikuti TABIKA sama ada TABIKA kerajaan atau swasta. Majoriti daripada mereka juga bersekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan juga Sekolah Rendah Cina. Seterusnya majoriti daripada mereka mengikuti program pengajian Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Matrikulasi selepas tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
  - Majoriti pelajar di IPTA mengikuti bidang sastera, manakala di IPTS mereka mengikuti pengajian dalam bidang professional.
  - Majoriti pelajar di IPTA dan IPTS mendapat CGPA yang agak baik iaitu 2.75 - 3.5 points.
  - Majoriti responden di IPTA berada dalam semester 2 — 3 manakala responden di IPTS berada dalam Semester 3- 4.
  - Purata umur respondensi IPTA ialah 21 tahun manakala di IPTS 20 tahun.
- [10] Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap identiti Satu Bangsa Malaysia dan juga tahap kebanggaan terhadap Malaysia di kalangan pelajar universiti adalah tinggi. Semua responden menganggap bahawa tradisi rakyat Malaysia berbilang kaum yang dapat hidup bersatu padu merupakan identiti terpenting untuk Bangsa Malaysia. Pelajar universiti memperakui bahawa hidup aman damai dan bertolak ansur merupakan tradisi Bangsa Malaysia. Seterusnya mereka berpendapat bahawa untuk melahirkan identiti Satu Bangsa Malaysia seseorang itu perlulah lahir di Malaysia, mempunyai perasaan cinta kepada Malaysia, merayakan hari kebangsaan dan akan terus menetap di Malaysia. Mereka juga mengaitkan identiti Satu Bangsa Malaysia dengan keperluan untuk mengetahui tentang sejarah Malaysia, boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia dengan

fasih dan mempunyai undang-undang yang boleh menjamin hak dan keselamatan semua kaum. Penemuan ini disokong oleh penemuan kaedah kualitatif. Penemuan kualitatif juga menekankan aspek mengetahui dan menghormati adat resam kaum lain dan bersedia untuk memperkenalkan din sebagai orang Malaysia kepada orang dari negara lain.

- [11] Seterusnya untuk melahirkan identiti Satu Bangsa Malaysia, rakyatnya perlu merasa bangga dengan negara Malaysia. Responden memberikan skor yang tinggi berkaitan dengan kebanggaan terhadap Malaysia. Apa yang membanggakan mereka sebagai rakyat Malaysia adalah keupayaan rakyat berbilang kaum hidup aman damai dan mendapat kebebasan untuk merayakan hari kebesaran agama masing-masing. Mereka juga menyatakan kebanggaan tentang kebebasan rakyat Malaysia bebas untuk mempraktikkan budaya masing-masing. Selain itu kebanggaan menjadi rakyat Malaysia kerana pencapaian pembangunan di Malaysia, menyaksikan Jalur Gemilang dikibarkan, mempunyai perlembagaan yang boleh menjamin hak semua kaum, pencapaian Malaysia dalam acara sukan di peringkat antarabangsa, kejayaan kerajaan Malaysia menjaga kepentingan semua kaum, menjadi warga Malaysia, mempunyai perasaan cinta kepada Malaysia, merayakan hari kebangsaan dan terus menetap di Malaysia. Penemuan dan kaedah kuantitatif ini juga disokong oleh penemuan dan kaedah kualitatif Hasil penemuan kaedah kualitatif juga menunjukkan bahawa pelajar berbangga dengan keupayaan dan kebolehan pemimpin Malaysia, keamanan yang dikecapi oleh rakyat Malaysia, kurangnya sifat prasangka antara kaum, keindahan alam semula jadi negara Malaysia, semangat juang yang tinggi seperti "Malaysia Boleh", kesopanan rakyat Malaysia, ekonomi Malaysia yang stabil dan kebolehan Malaysia mengurus "event" bertaraf dunia seperti Formula 1.
- [12] Sikap partiotisme juga penting untuk melahirkan Satu Bangsa Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa responden hanya memberi skor yang sederhana sahaja berkaitan item-item kesetiaan terhadap Malaysia. Walau pun mereka memberi skor yang tinggi berkaitan dengan identiti sebagai Satu Bangsa Malaysia dan kebanggaan terhadap Malaysia, tetapi mereka tidak begitu bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti patriotisme seperti menyanyikan lagu Negaraku di majlis tertentu, mengibarkan Jalur Gemilang dan merayakan hari kebangsaan.
- [13] Seterunya hasil kajian menunjukkan bahawa tahap amalan harian berkaitan perpaduan di kampus berada pada tahap sederhana. Penemuan ini menunjukkan bahawa terdapat interaksi antara pelajar berbilang kaum, tetapi pada masa yang sama terdapat polarisasi kaum melalui amalan harian pelajar berkaitan dengan perpaduan. Pelajar lebih banyak

berinteraksi dengan kaum lain melalui aktiviti sukan, kebudayaan, kehidupan dan aktiviti di Kolej. Mereka berinteraksi secara sederhana melalui aktiviti pembelajaran dan kehidupan harian seperti berkawan dan bersiar dengan pelajar kaum lain. Mereka bersedia untuk hidup bersama dan dipimpin oleh pelajar dari kaum lain. Walau bagaimanapun mereka hanya bersedia untuk tinggal bersama pelajar dari kaum lain sekiranya dipaksa atau terpaksa. Mereka berpendapat bahawa lebih mudah untuk memahami pelajar yang sama kaum atau pelajar yang sama agama berbanding pelajar yang berbeza kaum dan agama.

- [14] Seterusnya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap identiti Bangsa Malaysia, tahap kebanggaan terhadap Malaysia dan tahap patriotisme terhadap Malaysia mempunyai perbezaan yang signifikan mengikut kaum dan agama. Skor untuk responden Melayu, Bumiputra Sabah dan Sarawak, India dan Cina adalah berbeza. Perbezaan skor ini juga dapat dilihat untuk responden Islam, Hindu, Kristian dan Budha. Ini bermakna bahawa tahap tersebut tidak sama di kalangan pelajar Melayu, pelajar India, pelajar Bumiputra Sabah dan Sarawak dan pelajar Cina dan juga di kalangan penganut agama Hindu, Islam, Kristian dan Buddha. Perbezaan tahap juga dapat dilihat dari segi ciri sosio-demografi yang berlainan seperti jenis universiti yang diikuti (IPTA atau IPTS) jantina, tempat asal (bandar atau luar bandar), sekolah rendah yang diikuti (Sekolah Rendah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Cina) dan program pengajian yang diikuti selepas SPM (STPM atau Matrikulasi). Perbezaan yang signifikan juga dapat dilihat berdasarkan tahap amalan perpaduan harian mengikut kaum, agama dan ciri sosio-demografi
- [15] Hasil kajian juga mengenalpasti kaedah yang berkesan untuk meningkatkan interaksi antara kaum di kampus. Aktiviti sukan, permainan dan khidmat masyarakat dianggap paling berkesan. Antara lain kegiatan sosial yang dicadangkan termasuklah gotong royong, memberi perkhidmatan kepada masyarakat, lawatan ke rumah anak yatim dan memberi tuisyen kepada pelajar sekolah. Bagi aktiviti sukan pula mereka mencadangkan supaya aktiviti sukan melibatkan pelajar berbilang kaum. Selain dari itu responden mengenalpasti kaedah seperti kebudayaan, tugas akademik yang melibatkan pelajar berbilang kaum, aktiviti luar seperti perkhemahan, perayaan hari kebangsaan, kurikulum dan aktiviti persatuan juga berkesan untuk meningkatkan tahap interaksi antara kaum.
- [16] Seterusnya hasil kajian menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti anjuran universiti seperti sukan, kegiatan kehidupan di kampus, pengendalian tugas/projek secara kumpulan,

aktiviti persatuan, aktiviti pembelajaran dan aktiviti yang meningkatkan patriotisme dan cintakan negara menggalakkan mereka berinteraksi dengan pelajar kaum

- [17] Berdasarkan penemuan di atas, cadangan utama yang dikemukakan untuk meningkatkan lagi perpaduan dan integrasi pelajar berbilang kaum di kampus melalui Program Pemekaan Perpaduan (*Unity Sensitization Program*), termasuk mengadakan aktiviti ko-kurikulum, aktiviti universiti dan kepimpinan persatuan yang melibatkan pelajar berbilang kaum.